



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 8 BIL 8/2021

PENGUMPULAN DATA PELAJAR BAGI PERSEDIAAN PENGURUSAN PENGHANTARAN PELAJAR PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER SESI 2020/2021

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar di kasihi,

Bagi persediaan pengurusan penghantaran pelajar pulang sempena cuti semester sesi 2020/2021, semua pelajar yang tinggal di dalam atau luar kampus (6 kategori yang dibenarkan) adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi maklumat melalui E-community>Sistem Pulang ke Kampung bagi tujuan pengumpulan data. (Sila rujuk proses permohonan di Lampiran 1).

Antara maklumat yang diperlukan adalah sebagaimana berikut:

- i. Kemaskini maklumat peribadi pelajar seperti alamat, no telefon, destinasi perhentian yang paling hampir.
- ii. Perancangan balik ke kampung melalui dua kaedah iaitu menggunakan kenderaan persendirian yang berada di kampus atau pengangkutan universiti **SAHAJA**.
- iii. Sistem akan dibuka mulai 8 Julai 2021 (Khamis) hingga 10 Julai 2021 (Sabtu) jam 12.00pm.
- iv. Bagi pelajar pascasiswazah, sila berhubung dengan pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS) untuk tindakan lanjut.


Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik berkaitan pasca siswazah, pelajar boleh menghubungi Institut Pengajian Siswazah (IPS) seperti talian UMP Kampus Gambang (09-5493206) atau melalui emel ips.academic@ump.edu.my.

Sebarang pertanyaan mengenai pengurusan pelajar, sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut Kampus Gambang (09-5493333) dan UMP Pekan (09-4246999) atau melalui emel admin_jhepa@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID 19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



HARYANI BINTI ABDULLAH

Pengurus Besar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Tarikh: 8 Julai 2021

s.k Timbalan Naib Canselor HEP

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR SISTEM PULANG PELAJAR (PULANG)



HANYA PELAJAR YANG TERSENARAI DALAM DAN LUAR KAMPUS (6 kategori yang dibenarkan)

MAKLUMAT WAJIB ISI:
1-Pengangkutan:
-Kenderaan Sendiri
-kenderaan universiti
2-Alamat rumah daerah/ negeri
3-Status daerah/negeri :
PKPD/PKPP/PKPB